Source: *Berita Harian,* p2
Date: 17 October 2016

Ibu bapa diingat simpan dan beri sukatan ubat betul kepada anak

PIL demam anak-anak anda hari ini kelihatan seperti gula-gula yang berwarna-warni.

Ada pula yang mempunyai perisa buah-buahan seperti pisang dan ceri, menjadikannya amat menarik kepada kanak-kanak.

Akibatnya, pernah berlaku kanak-kanak dikejarkan ke hospital gara-gara termakan pil yang yang disangkakan sebagai gula-gula.

Lantas ibu bapa diingatkan supaya memastikan pil-pil seperti itu disimpan pada tempat yang tidak mudah dicapai kanak-kanak.

Inilah antara pesanan utama yang ingin disampaikan di satu acara kesihatan anjuran Persatuan Farmasi Singapura (PSS) dengan kerjasama Majlis Pembangunan Masyarakat Barat Laut semalam.

Berlangsung di Civic Centre di Woodlands, persatuan tersebut yang mewakili ahli farmasi di Singapura, berharap acara tahunan yang dikenali sebagai "Miliki Kesihatan Anda @ Barat Laut" itu akan menggalakkan semua orang menjaga kesihatan diri sendiri.

Seorang farmasis dari Hospital Wanita dan Kanak-Kanak KK, Cik Esther Ang, berkata kanak-kanak yang berusia dari satu hingga lima tahun memiliki sifat suka ambil tahu dan lantas mudah termakan ubat dengan tidak sengaja.

Dan sekarang, ubat untuk sakit biasa seperti demam dan batuk boleh didapati dalam bentuk yang berwarni-warni dan dengan perisa buah ceri dan anggur.

"Jika diletakkan sebarangan, kanak-kanak mungkin terambilnya kerana ia kelihatan atau mempunyai rasa seperti ribena, misalnya," ujar Cik Ang.

Selain itu, presiden PSS, Cik Ng Hon Yen, berkata adalah penting bagi ibu bapa memberi sukatan ubat yang betul kepada anak. Mereka seharusnya menggunakan alat suntikan untuk memberikan sukatan ubat yang betul dan bukan menggunakan sukatan sudu teh misalnya.

Selain melindungi kanak-kanak dengan memberikan sukatan dan menyimpan ubat-ubat dengan betul, persatuan tersebut juga berharap acara seperti itu akan mendidik orang ramai mengenai bagaimana merawat sakit ringan seperti batuk dan demam dan pentingnya menulis senarai ubat-ubat yang harus diambil oleh mereka yang sudah tua untuk mengelak kebingungan.

Tetamu terhormat, Encik Khaw Boon Wan, Menteri Penyelaras bagi Prasarana dan Menteri Pengangkutan serta Penasihat GROs Sembawang, mengucapkan terima kasih kepada farmasis dan sukarelawan PSS dan Peratuan Farmasi NUS kerana bekerjasama dengan CDC Barat Laut menganjurkan acara tersebut.

"Pendekatan seperti ini bekerjasama dengan para farmasis untuk melindungi anak-anak kita melalui pengurusan perubatan, merawat diri sendiri untuk sakit yang ringan dan menguruskan penyakit kronik ibu bapa dan datuk nenek kita, adalah menyegarkan," kata Encik Khaw.

Source: Berita Harian © Singapore Press Holdings Ltd. Permission required for reproduction.